

**REKABENTUK PERLANDSKAPAN RUMAH ORANG MELAYU KONTEMPORARI
DI DESA WAWASAN**



**INSTITUT PENGURUSAN PENYELIDIKAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR
MALAYSIA**

DISEDIAKAN OLEH :

**NUR HUZEIMA MOHD HUSSAIN
SURIATI AHMAD**

NOVEMBER 2009

Tarikh : 13 November 2009
No. Fail Projek :

Penolong Naib Canselor (Penyelidikan)
Institut Pengurusan Penyelidikan (RMI)
UiTM, Shah Alam

Puan,

LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN 'REKABENTUK PERLANDSKAPAN RUMAH ORANG MELAYU KONTEMPORARI DI DESA WAWASAN'

Merujuk kepada perkara di atas, bersama-sama ini disertakan 3 (tiga) naskah Laporan Akhir Penyelidikan bertajuk '**Rekabentuk Perlandskapan Rumah Orang Melayu Kontemporari Di Desa Wawasan**' oleh kumpulan Penyelidik dari Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur untuk makluman pihak Puan.

Sekian untuk makluman dan tindakan pihak Puan.

Terima kasih.

Yang benar



.....
NUR HUZEIMA MOHD HUSSAIN
Ketua
Projek Penyelidikan
UiTM Perak

s.k. Suriati Ahmad (Ahli Penyelidik)
Salinan Fail

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi membolehkan penyelidikan ini disiapkan dengan sempurna.

Diantaranya :

Prof. Dr. Azni Zain Ahmed
(*Penolong Naib Cancellor(Penyelidikan)RMI UiTM Malaysia*)

Prof. Dr. Abdullah Mohamad Said *PMP*
(*Pengarah Kampus UiTM Perak*)

Prof. Madya Dr. Ismail Samsuddin
(*Timbalan Pengarah Kampus PJI UiTM Perak*)

Prof. Madya Dr. Fauzi Mohd Harun
(*Mantan Koordinator URDC UiTM Perak*)

Dr. Norlizaiha Harun
(*Mantan Koordinator URDC UiTM Perak*)

dan

Pegawai-pegawai yang berkenaan dari Pejabat Tanah dan Daerah Bota, Perak

serta

Semua penduduk kampung yang telah memberikan kerjasama dan sokongan di dalam menjayakan penyelidikan ini.

ABSTRAK

Agenda perlandskap dalam konteks global pada masa kini semakin mendominasi keperluan dan kepentingan sesebuah persekitaran. Landskap kini bukan sahaja berperanan sebagai agen semulajadi yang sentiasa berkemandirian malahan turut menjadi nilai tambah dalam kualiti estetik pembangunan alam dan manusia. Namun sejauh mana pengaruh tersebut memberi impak ke atas cara hidup serta mentaliti masyarakat khususnya masyarakat Melayu di desa adalah masih samar. Justeru, dalam mengupas dilema identiti masyarakat Melayu kontemporari ini, suatu kajian dijalankan dalam membantu mengenalpasti keperluan serta kecenderungan sesebuah masyarakat terhadap peradaban serta cara hidup semasa. Komponen yang paling hampir menerima sebarang perubahan akibat pengaruh semasa ini dirasakan bermula pada persekitaran masyarakat itu sendiri. Atas alasan inilah, perlandskap rumah dijadikan wacana dalam mengukur keperibadian serta kecenderungan masyarakat dan seterusnya membantu merencana sesebuah imej atau identiti yang dapat mencerminkan sesebuah bangsa atau masyarakat. Desa Wawasan iaitu sesebuah kampung yang mengamalkan Gerakan Daya Wawasan (GDW) dipilih secara khusus bagi melihat impak keberkesanan penyelenggaraan dan perancangan sesebuah masyarakat yang bersistematik ke atas persekitaran. Antara lain, kajian Rekabentuk Perlandskap Rumah Orang Melayu Kontemporari di Desa Wawasan ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan secara kualitatif. Maklumat kajian dikumpul berdasarkan sumber-sumber sekunder, kajian tapak seperti pemerhatian, soal-selidik serta temuramah dengan para responden yang dijadikan sampel kajian. Di samping itu, penemuan kajian ini telah mengenalpasti ciri-ciri taburan rekabentuk serta penggunaan elemen-elemen tipikal dalam sesebuah persekitaran kediaman di Desa Wawasan yang lebih sistematik dan komprehensif. Hasilnya, keberkesanan konsep GDW dapat dikaji untuk dipertimbangkan sebagai modul dan lantas diketengahkan sebagai salah satu sentimen pembentukan imej atau identiti perlandskap Melayu kontemporari.

Kata Kunci: *rekabentuk landskap, perlandskap, orang melayu, desa wawasan, kontemporari*

BAB 1 PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Kepentingan landskap pada masa kini bukan lagi dianggap sebagai memenuhi kehendak manusia malahan sudah menular sebagai suatu keperluan dalam kehidupan. Rekabentuk landskap pada masa kini bukan sahaja menjadi nilai tambah terhadap kuasa pembeli, tetapi juga merupakan suatu tawaran nilai promosi yang acapkali menjadi hebahan. Namun, sejauh mana permintaan rekebetuk tersebut merangsang pemikiran dan citarasa masyarakat setempat? Apakah masih sinonim taburan laman tradisi dalam pola perlandskapan kontemporari ini? Bagaimana pula budaya dan peradaban mendatangkan impak dalam kehidupan masyarakat Melayu semasa?

Perubahan modenisasi dan urbanisasi kini semakin rancak mengorak langkah. Pelbagai garapan dan unsur-unsur baru menjadi wacana Melayu kontemporari. Masyarakat seolah-olah dijajah kembali. Adakah pemikiran atau mentaliti masyarakat turut teranjak? Seterusnya bagaimana dapat dipastikan kesan pengaruh yang kian berkembang dari semasa ke semasa ini.

Justeru, pendekatan permasalahan yang sinonim terhadap landskap kontemporari dalam masyarakat tempatan diketengahkan dalam melihat keberkesanan apresiasi pembangunan dalam kehidupan masyarakat luar bandar khususnya dan rakyat Malaysia, amnya. Kajian ini memilih Desa Wawasan sebagai medium penunjuk pretasi rekabentuk perlandskapan di rumah orang melayu kontemporari samada keperluan semasa dengan peradaban tradisi masih kekal seiring ataupun sebaliknya. Kupasan persoalan seterusnya, akan menjurus kepada kelompok masyarakat di Desa Wawasan ini, di mana Gerakan Desa Wawasan merupakan satu Falsafah dan Strategi Pembangunan Luar Bandar Ke Arah Tahun 2020 Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) yang menjadi teras Transformasi Kedua Pembangunan Luar Bandar. Gerakan Desa Wawasan adalah usaha yang tersusun yang